



Majlis Daerah Luar Bandar SibU

Tingkat 17 & 18,
Wisma Sanyan,
No. 1, Jalan Sanyan,
96000 SIBU, SARAWAK
Tel: 084-336077 Faks:084-324694
Laman Web: www.srdc.gov.my



Ruj. Kami SRDC/PH/PLP/7119

Tarikh: 16.11.2022

Kepada:

Semua Pemilik Premis Makanan di kawasan Majlis Daerah Luar Bandar SibU [SRDC].

Tuan/Puan,

PEMASANGAN PENAPIS SISA MAKANAN (FOOD WASTE FILTER) DAN PERANGKAP GRIS (GREASE TRAP)

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, saya ingin memaklumkan bahawa Majlis Daerah Luar Bandar SibU melalui Mesyuarat Jawatankuasa Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Bil.09/2022 yang diadakan pada 13 Oktober 2022 serta diperakui dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 31 Oktober 2022 telah memutuskan bahawa tuan/puan harus mematuhi peraturan yang telah ditetapkan sebelum memperbaharui lesen yang akan luput pada 31 Disember 2022 dan peraturan ini berkuatkuasa mulai **tahun 2023**.

3. Pegawai SRDC akan membuat pemeriksaan di premis tuan/puan sebelum pembaharuan lesen dilakukan bagi memastikan peraturan ini dipatuhi. Antara peraturan tersebut yang **WAJIB** tuan/puan patuhi sebelum memperbaharui lesen/permit Majlis Daerah Luar Bandar SibU adalah seperti berikut:-

- a) Pemasangan Penapis Sisa Makanan (*Food waste filter*) di tempat pemiagaan tuan/puan.
- b) Pemasangan Perangkap Gris (*Grease Trap*) di tempat pemiagaan tuan/puan.
- c) Wajib mengemukakan Borang Pemeriksaan Kesihatan yang telah lengkap diisi.
- d) Tiada tunggakan untuk Permit *Five Foot Way* (penggunaan meja di kaki lima/*open space*) bagi area SibU Jaya/Selangau/Kemuyang/Pine Seduan/Bougenvilla/Eco Garden.
- e) Dilarang menggunakan bekas makanan *Styrofoam* dan penyedut minuman plastik.
- f) Pemegang lesen/permit hendaklah memastikan kebersihan premis makanan/gerai sentiasa berada di tahap yang memuaskan, tidak membuang sampah merata-rata dan dilarang sama sekali membuang sisa-sisa bahan mentah ke dalam parit.

4. Oleh yang demikian, tuan/puan adalah dinasihatkan supaya mematuhi peraturan tersebut bagi mengelakkan sebarang kesulitan semasa memperbaharui lesen/permit tuan/puan.

Sekian, harap maklum.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

(**CHIONG SIEW PING**),
Pemangku Setiausaha,
Majlis Daerah Luar Bandar SibU.

Ym/Raj